

24/01/2001

Umat Islam diseru berpegang kepada ajaran sebenar

KUALA LUMPUR, Selasa - Datuk Abdul Hamid Zainal Abidin, yang baru dilantik sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM), mengajak umat Islam sama ada penyokong kerajaan atau pembangkang, berpegang kepada ajaran Islam sebenar demi perpaduan ummah.

Beliau berkata, semua pihak seharusnya belajar dan memahami Islam berasaskan al-Quran dan kembali kepada intipati ajaran agama yang sebenar.

"Saya rasa kalau ada pemahaman itu, maka tidak timbul satu benda yang boleh merenggang atau mengeruhkan ... mungkin kita berlainan pendapat tetapi berlainan pendapat itu tak usah membawa kepada perpecahan," katanya.

Beliau berkata demikian selepas mengangkat sumpah sebagai Senator di hadapan Yang Dipertua Dewan Negara, Datuk Michael Chen, di bangunan Parlimen di sini, hari ini.

Abdul Hamid akan meletakkan jawatan sebagai Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) setelah mengangkat sumpah sebagai anggota jemaah Kabinet Selasa depan, menggantikan Datuk Paduka Dr Abdul Hamid Othman yang meletak jawatan.

Beliau berkata, umat Islam tidak seharusnya mengharapkannya membawa 'lampu ajaib' dalam usaha menangani pelbagai isu agama, sebaliknya bersama-sama membantu meningkatkan syiar Islam dan perpaduan ummah.

Menurut beliau, tugas barunya memang mencabar dan berat bagi memenuhi harapan kerajaan terutama Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan masyarakat Islam.

"Saya memang berharap apa yang dirasakan perlu diperbaiki, diperkemaskan, ditegur secara membina ... saya dengan rela hati menerimanya kerana kehadiran saya sebagai Menteri di JPM, insy-Allah tidak membawa magic lamp.

"Tidak ada lampu ajaib pada saya. Saya tak boleh berdiri seorang, saya akan tumbang melainkan hanya perlu kerjasama erat dengan sepenuh hati, tulus ikhlas semua pihak. Dengan itu, insy-Allah saya rasa cabaran yang berat itu akan menjadi ringan," katanya.

Mengenai keutamaan yang perlu diberikannya nanti, Abdul Hamid berkata, beliau akan memperkemaskan lagi pengurusan dan pentadbiran Islam kerana ia menjadi nadi perjalanan dan perkembangan Islam.

"Pengurusan Islam di negara ini secara sistematiknya agak baru, iaitu selepas merdeka.

"Pada zaman penjajah dulu, aspek ini dipinggirkan. Tetapi setelah kita merdeka, maka kerajaan merenung betapa perlunya pengurusan dan pentadbiran Islam dilakukan secara sistematik, teratur dan diperkemaskan lagi," katanya.

Beliau berjanji akan menjalankan tugas dengan tulus dan telus iaitu bertanggungjawab, berani, tegas dan dedikasi tetapi pada masa sama bersikap terbuka tanpa niat untuk menyembunyikan apa yang perlu diketahui umum.

Mengenai skop tugas, Abdul Hamid berkata ia adalah kesinambungan tugas yang dilakukan Dr Abdul Hamid sebelum ini termasuk menjaga hal ehwal Jakim, Tabung Haji dan institusi Islam yang lain.

"Apa yang dibuat oleh Dr Abdul Hamid sebagai menteri sebelum ini, yang baik itu, saya akan teruskan. Malah saya akan merenung ruang dan aspek yang perlu dipertingkatkan dan dikembangkan lagi. Itu saya akan lakukan.

"Sebenarnya, antara saya dan Dr Abdul Hamid, kami saling memahami. Saya

kenal dia sejak 1962 lagi ketika sama-sama menuntut di Kolej Islam Malaya," katanya.

(END)